

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS MAULUD NABI S.A.W ANJURAN LEMBAGA KEBAJIKAN PEREMPUAN ISLAM
PULAU PINANG(PP)
Lokasi : PULAU PINANG
Tarikh : 20-02-1983

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berbahagia Uztazah Hajjah Salmah, Pengerusi Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Pulau Pinang;

Ahli-Ahli Jawatan Kuasa Lembaga;

Dif-Dif kehormat;

Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Saya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat bersama-sama puan-puan sekalian di majlis Maulud Nabi s.a.w. yang dianjurkan oleh Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Negeri Pulau Pinang ini.

2. Rasulullah s.a.w. telah diutus untuk membawa kesejahteraan dan membentuk akhlak mulia di kalangan umat manusia. Islam yang diutuskan melalui junjungan kita Rasulullah s.a.w. meliputi aspek-aspek hak dan kehormatan kaum wanita. Sebagaimana kita maklum agama Islam bukanlah agama yang sempit; kalau adapun aturan dan peraturan yang khusus bagi wanita, ia bukanlah dengan tujuan membebaskan wanita atau untuk menjadikan wanita sebagai golongan bawahan tetapi bagi memenuhi tujuan untuk melindungi hak-hak dan keistimewaan wanita sendiri. Ketika negara kita giat menerap nilai-nilai Islam di dalam kehidupan seharian, wanita hendaklah bersama-sama berganding bahu menjamin nilai-nilai yang diserapkan selaras dengan kehendak Islam dan cabaran semasa. Wanita sendiri mestilah mendalami ajaran-ajaran Islam supaya kita sendiri faham dengan apa yang sebenarnya dituntut oleh Islam dan tidak menjadi 'pakturut' semata-mata.

3. Saya ingin menyentuh tentang perkembangan pelajaran di kalangan wanita Islam. Al Quran dan hadis Nabi Muhammad s.a.w. tidak membezakan tentang tanggungjawab kita semua dalam menuntut ilmu dan memberi pelajaran kepada anak-anak kita, sama ada lelaki ataupun perempuan. Bahkan kaum wanita digalakkan memperolehi segala jenis pelajaran, kemahiran dan pengetahuan supaya dapat memainkan peranan yang positif di dalam masyarakat. Ibu-ibu adalah yang paling rapat sekali dengan anak-anak dan mereka yang berpelajaran dapat membantu dalam pendidikan anak-anak. Mereka yang berpelajaran dapat mengasuh anak-anak untuk menjadi anak-anak yang saleh dan sesuai dengan kehidupan di alam yang serba moden ini, tanpa terkeluar dari prinsip-prinsip dan ajaran Islam.

4. Saya berasa sedih dan terkeciwa sekiranya ada lagi ibu bapa-ibu bapa yang menganggap pelajaran bagi kanak-kanak mereka tidak lagi penting dalam Islam. Ada yang menarik anak-anak mereka dari bangku sekolah. Ada pula pelajar-pelajar wanita termasuk siswi-siswi yang enggan melanjutkan pelajaran mereka kerana, kononnya, bercanggah dengan agama Islam yang mereka anuti.

Puan-puan yang dihormati.

5. Berulang kali pemimpin-pemimpin Islam di negara kita ini menerangkan betapa pentingnya pelajaran kepada kita umat Islam supaya membangun dan dihormati oleh orang-orang yang bukan Islam. Kita masih lagi bergantung kepada orang lain untuk membuat itu dan ini. Manakala anak-anak orang lain maju dan cerdik pandai, kita berasa iri hati dan mengharapkan anak kita berbuat demikian juga. Malangnya, ada pula ibu bapa yang menganggapkan kepandaian di dunia bercanggah dengan ajaran Islam. Mereka ini tidak menyedari betapa pentingnya pelajaran, khasnya dalam masyarakat majmuk. Saya berharap segolongan kecil ini akan membuka mata dan memandang sekeliling mereka untuk menukar sikap terhadap pelajaran bagi anak-anak mereka, khasnya anak perempuan.

6. Saya yakin Lembaga ini akan dapat memainkan peranan yang lebih untuk mendorong lebih ramai ibu-bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah menengah agama kerajaan.

Semua mata pelajaran yang diajar di sekolah menengah biasa, seperti sains, hisab moden dan ilmu alam, diajar di sekolah menengah agama kerajaan. Walau bagaimanapun, mata pelajaran agama Islam dititik-beratkan lebih sedikit dari sekolah menengah biasa. Dengan galakan ini, saya percaya lebih ramai wanita-wanita Islam akan mendapat peluang mengikut lunas-lunas Islam di samping melengkapkan diri sebagai individu berpelajaran dan berhemah tinggi. Di masa kita bersekolah dahulu, peluang seperti ini memang berkurangan, bahkan di setengah tempat tiada langsung. Dengan peluang yang lebih dewasa ini, kita sama-sama dapat memainkan peranan yang lebih lagi dalam kegiatan agama kita selaras dengan konsep pembangunan yang mengimbangkan perkembangan rohaniah dan jasmaniah.

7. Kita di Malaysia dapat berbangga dengan wujudnya beberapa pertubuhan wanita yang giat menjaga kebajikan wanita. Lembaga Kebajikan Perempuan Islam merupakan salah satu pertubuhan yang aktif dalam meninggikan taraf kebajikan dan membaiki kehidupan wanita-wanita Islam di negara kita. Lembaga ini mempunyai cawangan-cawangan di semua negeri di Semenanjung, termasuklah cawangan Pulau Pinang ini, dan aktiviti-aktivitinya kian bertambah dari masa ke semasa. Insyallah dengan kerjasama semua pihak perkembangan ini akan meningkat dan berterusan.

8. Menyentuh tentang kemajuan yang dicapai oleh Lembaga ini pula, saya sangat gembira mengetahui bahawa seramai lebih seribu orang telah menjadi ahli Lembaga ini. Dalam tempoh sembilan tahun sejak Lembaga ini ditubuhkan, ianya dapat menyusun berbagai aktiviti dari tahun ke tahun untuk masyarakat negeri Pulau Pinang, terutamanya untuk wanita-wanita Islam. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru wanita Islam di Pulau Pinang supaya tampil menjadi ahli Lembaga ini, supaya Lembaga ini dapat menjadi tenaga yang benar-benar mendapat sokongan sejumlah besar wanita Islam kita.

9. Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Pulau Pinang telah juga menubuhkan pergerakan 'Puteri Islam' untuk wanita muda Islam, terutama mereka yang masih di bangku sekolah menengah. Di Pulau Pinang ini, saya difahamkan pertubuhan Puteri Islam telah bertambah maju, dan bertambah ramai lagi pelajar-pelajar wanita sekolah menengah telah menjadi ahli Puteri Islam. Saya berharap guru-guru

sekolah akan memberi kerjasama supaya pergerakan Puteri Islam ini semakin maju, seperti kemajuan pergerakan Pandu Puteri, di sekolah-sekolah menengah.

10. Adalah penting wanita-wanita muda kita diberi asuhan dan pendidikan Islam supaya berakhlak mulia. Asuhan dan didikan seperti ini bertambah penting di zaman pembangunan yang pesat ini. Berbagai pengaruh zaman ini menjadikan jiwa kebanyakan wanita muda kita senang terumbang-ambing tanpa haluan. Penubuhan Pergerakan Puteri Islam akan dapat menyalurkan tenaga Lembaga ini untuk membantu wanita-wanita muda kita menuju ke jalan yang diredhai oleh Allah Subhanahu Wataala di samping mencapai kemajuan dunia. Selain daripada bimbingan rohaniah, saya berharap kegiatan-kegiatan lain, seperti kerja amal dan latihan kerjatangan, akan juga digalakkan.

11. Di samping sekolah menengah, pergerakan Puteri Islam ini mungkin dapat ditubuhkan di kilang-kilang di mana terdapat ramai pekerja-pekerjanya terdiri daripada wanita Islam yang masih dalam lingkungan belasan tahun. Pada pandangan saya mereka yang bekerja di kilang-kilang tidak mempunyai sebarang perkumpulan atau persatuan yang dapat menganjurkan aktiviti-aktiviti bercorak Islam. Di samping itu mereka juga tidak mempunyai kepimpinan atau 'leadership' dan sokongan yang diperlukan. Saya yakin dengan perancangan yang tertentu Lembaga ini dapat mengembangkan Puteri Islam ke kilang-kilang, yang semakin bertambah di Pulau Pinang akibat dari rancangan perindustrian negara kita.

Puan-puan yang dihormati,

12. Ibadat dalam Islam adalah kegiatan kita yang bukan sahaja mendatangkan kesejahteraan di akhirat tetapi juga di dunia ini. Mengasuh anak-anak kita, menjaga rumah tangga supaya bersih dan kemas untuk keselesaan seluruh keluarga, dan menjalankan kerja atau berniaga untuk menambahkan pencarian keluarga adalah ibadat yang bukan sahaja kita nikmati di dunia, tetapi juga di akhirat nanti. Dengan itu menganjurkan aktiviti-aktiviti untuk menambahkan ilmu pengetahuan kehidupan di dunia yang tidak menyeleweng dari ajaran Islam, harus digalakkan oleh Lembaga ini untuk ahli-ahlinya. Pihak Lembaga mungkin dapat meneliti dan merancang aktiviti-aktiviti, selain dari aktiviti agama untuk tujuan ini yang mana dapat membela kedudukan sosio-ekonomi Islam di negara kita.

13. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Pulau Pinang kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap pada pagi ini. Dengan ini saya, dengan sukacitanya membuka Majlis Maulud Nabi s.a.w Lembaga ini dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wasalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.